


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



PELABURAN PATUH SYARIAH ATAU SEKADAR SLOGAN?

Wan Nor Aisyah Wan Yussof

Pelaburan merupakan salah satu kaedah masyarakat menambah pendapatan dan merancang masa depan kewangan. Namun, dalam keghairahan mengejar keuntungan, terdapat banyak pihak yang mengambil kesempatan dengan memperkenalkan pelbagai skim dan produk pelaburan yang kononnya berlabel “patuh Syariah”. Antara label yang sering kita temui dalam iklan atau kumpulan media sosial adalah “Pelaburan XX Patuh Syariah”, “Pelaburan Emas Syariah Compliant” dan pelbagai lagi konotasi yang seolah-olah memberi jaminan bahawa pelaburan tersebut halal dan bebas daripada unsur yang dilarang. Persoalannya, adakah kita benar-benar faham apakah maksud pelaburan patuh Syariah itu?

Secara asasnya, **pelaburan tidak patuh Syariah** merujuk kepada sebarang bentuk pelaburan yang mengandungi unsur riba (faedah), gharar (ketidakpastian berlebihan), dan maysir (spekulasi atau perjudian). Ia juga termasuk pelaburan yang terlibat dalam aktiviti yang diharamkan Syariah seperti arak, perjudian, hiburan maksiat, tembakau, serta senjata yang membahayakan manusia. Selain itu, pelaburan yang tidak mendapat pengesahan daripada pihak berautoriti seperti **Majlis Penasihat Syariah (MPS)** di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) juga tergolong dalam kategori tidak patuh Syariah.

PELABURAN TIDAK PATUH SYARIAH



Mengandungi unsur
riba (faedah)



Melibatkan gharar
(ketidakpastian berlebihan)



Bersifat maysir
(spekulasi/judi)



Terlibat dengan aktiviti
haram

arak, perjudian, hiburan maksiat,
rokok, dan senjata terlarang



Tidak mendapat pengesahan
daripada majlis berautoriti
seperti

Majlis Penasihat Syariah (MPS) di
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

Gambar 1: Ciri-ciri pelaburan tidak patuh syariah


Ramai pelabur, khususnya masyarakat awam, mudah terpedaya dengan label “Syariah Compliant” yang digunakan sebagai strategi pemasaran. Walhal, tanpa bukti pengesahan yang sah, pelaburan seperti ini boleh menjerat pelabur ke dalam skim penipuan. Dalam media massa, kita sering membaca laporan berkenaan **penipuan skim emas** yang menjanjikan keuntungan tetap, kononnya berlandaskan jual beli emas Syariah, sedangkan emas tersebut tidak wujud atau tidak didaftarkan. Begitu juga dengan skim **Forex Haram** yang disamarkan sebagai “Akaun Islamik”, sedangkan ia masih berasaskan leverage dan riba. Terdapat juga kes saham tidak berlesen yang mendakwa mempunyai sijil Syariah, namun tiada sebarang pengiktirafan daripada pihak Suruhanjaya Sekuriti.

NATIONAL

Lelaki rugi lebih RM100,000 ditipu pelaburan patuh syariah



Bernamea
29/04/2025 | 10:10 MYT



Harian Metro

3 Mei · 🌐

...

#KualaLumpur Berselindung di sebalik pelaburan patuh syariah, seorang pengengaruh yang juga suami kepada selebriti tanah air dikesan menjadi dalang satu skim yang memperdaya lebih 140 pelabur dengan anggaran kerugian RM43 juta.



Gambar 2 & 3: Beberapa kes scammer: pelaburan tidak patuh syariah

Faham Kaedah Fiqhiyyah

Pemahaman berkaitan pelaburan patuh syariah ini atau tidak patuh syariah ini seharusnya didasarkan kepada kaedah fiqhiyyah- iaitu kaedah dalam undang-undang syariah berkaitan pelaburan.

1. **أَلْأَصْلُ فِي الْمُعَامَلَاتِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى التَّحْرِيمِ**
al-aşlu fī al-mu‘āmalāti al-ibāḥatu ḥattā yadulla ad-dalīlu ‘alā at-taḥrīm
Hukum asal dalam muamalat adalah harus, kecuali terdapat dalil yang mengharamkannya. Maksudnya, jika pelaburan itu mengikut apa yang digariskan oleh syarak, maka masyarakat boleh melabur, sebagai contoh di Amanah Saham Bumiputra (ASB), telah ada keputusan keharusan melabur di ASB.
2. **الضَّرَرُ يُزَالُ**
ad-ḍararu yuzālu
Kemudaratan hendaklah dihilangkan. Maka pelaburan yang membawa penipuan atau kerugian wajib dicegah.
3. **بِالْغُرْمِ**
al-ghunmu bil-ghurmi
Keuntungan mesti disertai dengan risiko. Pelaburan yang menjanjikan pulangan tetap tanpa risiko adalah bercanggah dengan prinsip ini.
4. **بِالشَّكِّ يُزَالُ لَا التَّيَقُّنُ**
al-yaqīnu lā yuzālu bish-shakki
Keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan. Pelaburan yang meragukan status Syariahnya wajar ditinggalkan.
5. **دَرْءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ**
dar’u al-mafāsidi awlā min jalbi al-maṣāliḥ
Menolak kerosakan lebih utama daripada meraih manfaat. Jika terdapat unsur syubhah atau penipuan, wajib dielakkan walaupun dijanjikan keuntungan.

Berdasarkan pemerhatian, jika kita lihat suasana hari ini, ramai yang terpesona dengan keuntungan tetap yang dijanjikan oleh syarikat-syarikat tertentu, ditambah pula tiada risiko katanya....., walhal kita tidak sedar, dalam Islam ada kaedah yang telah ditetapkan iaitu **بِالْغُرْمِ** al-ghunmu bil-ghurmi. Keuntungan mesti disertai dengan risiko. Kita boleh melabur, tapi pastinya, tidak lepas dari risiko.. Pelaburan yang menjanjikan pulangan tetap tanpa risiko adalah bercanggah dengan prinsip ini.

Pelaburan tidak patuh Syariah bukan sahaja berisiko dari segi kewangan, tetapi juga boleh merosakkan prinsip agama. Oleh itu, setiap individu perlu lebih berhati-hati sebelum melabur. Antara langkah yang boleh diambil ialah menyemak senarai sekuriti patuh Syariah di laman rasmi **Suruhanjaya Sekuriti Malaysia**, mendapatkan

pandangan daripada pakar Syariah bertaualiah, serta mengelakkan skim yang menjanjikan pulangan lumayan tanpa asas yang kukuh.

Kesimpulannya, label “Patuh Syariah” tidak boleh dipandang remeh atau dijadikan sekadar slogan pemasaran. Ia mesti berpaksikan kepada hukum Syariah yang jelas, disahkan oleh pihak berautoriti dan selari dengan qawā'id fiqh. Dengan kefahaman yang betul, masyarakat akan lebih terlindung daripada terjebak dalam pelaburan tidak patuh Syariah yang merugikan dunia dan akhirat.